

Tarikh Dibaca: 21 Ogos 2015

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“HAJI; GEMA LAUNGAN YANG TIDAK
PERNAH BERHENTI”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



“HAJI; GEMA LAUNGAN YANG TIDAK PERNAH BERHENTI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ
اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,



Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar bertaqwa kepada Allah dengan mematuhi segala titah perintah-Nya; melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya.

Mimbar pada hari yang mulia ini cuba memperdengarkan semula laungan demi laungan yang tiada henti-hentinya sepanjang zaman, laungan yang berasal dari perintah Yang Maha Agung kepada Baginda Nabi Ibrahim AS yang dirakamkan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah al-Haj ayat 26-27:

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَنْ لَا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿٢٦﴾ وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

"(Ingatkanlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi Nabi Ibrahim lokasi Kaabah (untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepadanya): "Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun dengan-Ku, dan sucikanlah Rumah-ku (Kaabah ini daripada berhala) bagi orang yang tawaf, orang yang berdiri dan yang rukuk serta yang sujud (mengerjakan solat). Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus (kerana lamanya perjalanan), yang datangnya dari pelbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh".



Dalam menafsirkan ayat ini para mufassirin atau ahli tafsir menjelaskan bahawa setelah Nabi Ibrahim diperintah Allah agar membina semula Baitullah atau Kaabah sebagai bangunan tempat beribadah menyembah Allah, serta membersihkannya untuk orang melakukan tawaf dan solat, lalu Allah memerintahkan Ibrahim 'alaihissalam menyeru seluruh manusia agar datang ke BaitulLah untuk mengerjakan haji. Lantaran terbatasnya kemampuan Nabi Ibrahim untuk tujuan itu, maka baginda menjawab; " wahai Tuhan bagaiman saya dapat menyeru seluruh manusia sedangkan suara saya tidak dapat menembusi tempat-tempat yang jauh?. Allah menjawab:" tugasmu menyeru wahai Ibrahim ! dan kamilah yang akan menyampaikannya".

Ibrahim bersegera mendaki Jabal Abu Qubais berdiri di atas batu seraya berseru ke setiap arah; utara, selatan, timur dan barat dengan berkata:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ رَبَّكُمْ بَنَىٰ بَيْتًا وَأَوْجَبَ
عَلَيْكُمْ الْحَجَّ إِلَيْهِ فَأَجِيبُوا رَبَّكُمْ

"Wahai manusia ! sesungguhnya Allah telah menyediakan sebuah bangunan sebagai rumahNya, maka datangilah ia untuk mengerjakan Haji".

Gema suara Ibrahim itu dapat didengari oleh seluruh manusia hinggakan benih zuriat yang masih berada didalam tulang sulbi lelaki dan rahim wanita. Sebaik sahaja Ibrahim melaung seperti yang diarah maka kedengaranlah suara seluruh makhluk menyahut seruan itu. "لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ "

ertinya "kami menyahut seruanmu wahai Tuhan". Kisah tersebut adalah



sebahagian dari catatan yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas, Mujahid, 'Ikrimah, Sa'id ibn Jubair dan beberapa ramai ulamak di zaman Salaf. Wallahu a'alam bissawab.

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Tidak syak lagi bahawa Haji adalah suatu perhimpunan orang-orang yang beriman diperingkat dunia, ia diadakan setiap tahun disepanjang zaman oleh para Nabi dan pengikut-pengikut setia mereka bermula dari Nabi Allah Ibrahim 'alaihissalam hinggalah kepada Nabi Muhammad s.a.w. Dalam syari'at Nabi Muhammad SAW pula Haji diwajibkan keatas setiap muslim yang berkemampuan dan telah mencukupi syarat.

Firman Allah dalam surah ali-Imran ayat 97:

... وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ
سَبِيلًا ...

"Allah mewajibkan manusia mengerjakan Ibadah Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya".

Sebaliknya bagi mereka yang enggan melaksanakan perintah tersebut walaupun telah mencukupi syarat, mereka telah diberi amaran keras oleh Allah SWT melalui lidah Nabi-Nya Muhammad SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saiyidina 'Ali ibn Abi Talib RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:



مَنْ مَلَكَ زَادًا وَرَاحِلَةً تُبَلِّغُهُ إِلَى بَيْتِ اللَّهِ
وَلَمْ يُحِجَّ فَلَا عَلَيْهِ أَنْ يَمُوتَ يَهُودِيًّا أَوْ نَصْرَانِيًّا

"Sesiapa yang mempunyai bekalan dan kenderaan yang membolehkannya sampai ke Baitullah untuk mengerjakan haji tetapi dia tidak berbuat demikian maka tiada apa yang menghalang ia mati sama ada sebagai seorang Yahudi atau Nasrani".

(Riwayat At-Tirmizi).

Kewajipan menunaikan haji nampak dengan lebih jelas dalam hadis-hadis Nabi seperti berikut:

- 1- Hadis yang dikeluarkan oleh lima orang penghimpun hadis dan disahihkan oleh Al Imam At-Tirmizi, dimana Abu Ruzain Al 'Uqaili meriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai bapanya yang telah tua, tidak mampu mengerjakan haji dan umrah, Rasulullah menjawab:

« حُجَّ عَنْ أَبِيكَ وَاعْتَمِرْ »

" Hajikan bagi pihak bapamu dan lakukanlah umrah ".

(Riwayat at-Tirmizi).

- 2- Ibn 'Abbas menceritakan bahawa dimana seorang wanita dari bani Juhainah datang bertanya kepada Rasulullah memberitahu bahawa ibunya telah bernazar untuk menunaikan haji tetapi ia telah meninggal



dunia sebelum nazarnya tertunai, adakah ia perlu menunaikan haji bagi pihak ibunya? Rasulullah menjawab dengan sabdanya:

"... نعم، حُجِّيْ عَنْهَا، أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَ
عَلَى أُمَّكَ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَةً؟ أَقْضُوا اللَّهَ، فَاللَّهُ
أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ"

"...ya, hajikanlah bagi pihaknya. Adakah jika ibumu mempunyai hutang tidakkah kamu yang akan membayarnya? oleh itu tunaikanlah kerana hutang kepada Allah lebih perlu ditunaikan"

(Riwayat Al-Bukhari).

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bagi mereka yang telah mendapat giliran untuk menunaikan Haji pada tahun ini maka mimbar ingin mengucapkan tahniah berserta iringan doa semoga anda dan seluruh jamaah haji dapat menunaikan haji dengan beroleh haji yang mabrur, dan dapat kembali semula ke tanah air sebagai orang yang telah khatam dan berjaya menyempurnakan semua rukun Islam yang lima.

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَسَعْيًا مَشْكُورًا
وَذَنْبًا مَغْفُورًا



"Ya Allah! Jadikan ia haji yang mabrur, perjalanan yang disyukuri dan dosa yang di ampuni".

Ketahuilah bahawa jika kita berjaya menyempurnakan segala rukun dan wajib haji, serta kita tidak merosakkan ibadah haji kita dengan melanggar pantang larang yang dikenakan maka kita berpeluang untuk meraih fadilah-fadilah yang di janjikan Allah seperti berikut:

1- Kita akan mendapat Haji Mabrur seperti mana disebut dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"... وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ ثَوَابٌ إِلَّا الْجَنَّةُ"

"... dan Haji yang mabrur itu tiada balasan lain melainkan Syurga".

(Muttafaqun Alaih).

2- Segala dosa kita akan diampunkan seolah-olah kita baru sahaja dilahirkan. Janji ini telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَكَمْ يَفْسُقْ،
رَجَعَ كَيَوْمِ وُلِدَتْهُ أُمُّهُ

"Sesiapa yang mengerjakan haji kemudian ia tidak mengeluarkan kata-kata lucah dan tidak berbuat maksiat maka ia bersih dari dosa bagaikan ia berada pada hari ia dilahirkan oleh ibunya".

(Riwayat Al-Bukhari).



Oleh itu bagi mereka yang belum mendaftar untuk menunaikan haji hendaklah segera mendaftar, banyakkkan bersabar, dan berdoa mudah-mudahan dimurahkan rezeki, dipermudahkan segala urusan dan cepat mendapat giliran untuk menunaikannya.

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Menelusuri khutbah pada hari yang mulia ini, para jamaah diingatkan agar mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- 1- Umat Islam mestilah mempercayai dan meyakini bahawa ajaran-ajaran yang dibawa oleh para Rasul sejak dari Adam AS hingga kepada Nabi Muhammad SAW adalah mempunyai asas aqidah yang sama yaitu mentauhidkan Allah.
- 2- Para jamaah yang akan berangkat menunaikan ibadah haji mestilah memurnikan niat bahawa pemergian anda ke tanah suci bukan untuk tujuan lain selain dari mematuhi perintah Allah.
- 3- Sekembalinya anda dari tanah suci nanti bererti anda telah lulus menjalani latihan untuk mengubah keimanan dan ketakwaan kepada yang lebih mantap dan murni. Oleh itu para Jemaah haji yang telah pulang ke tanah air hendaklah terus istiqamah dalam menunaikan ibadah seperti yang lazim dilakukan ketika berada di tanah suci Makkah seperti banyakkkan membaca al-Quran, imarahkan masjid dengan iltizam, solat berjemaah dan menampilkan diri dengan akhlak-akhlak Islam yang mulia.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمَ شَعِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى
الْقُلُوبِ

"Demikianlah (ajaran Allah). Sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dialah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan daripada sifat-sifat taqwa hati (orang yang beriman)".

(Surah al-Hajj : 32).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِاِقْرَانِ الْعَظِيْمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَان شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَالِحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَالِحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman yang difatwakan sesat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.